

NO. SOALAN : 270

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)**

SOALAN

**YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ minta MENTERI TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan kajian-kajian yang
Kementerian telah jalankan terhadap potensi menjanakan tenaga elektrik
daripada tiupan angin dengan memakai turbine (*Wind Turbines*).**

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian melalui *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) Malaysia telah melaksanakan satu kajian mengenai potensi tenaga angin bagi menjana elektrik pada tahun 2012. Hasil kajian tersebut telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang mempunyai potensi untuk penjanaan tenaga angin di Semenanjung Malaysia dan Sabah.
2. Sehubungan itu, Kerajaan sedang dalam perancangan untuk melaksanakan projek perintis penjanaan elektrik menggunakan tenaga angin dalam usaha untuk memperkenalkan tenaga angin sebagai salah satu daripada Tenaga Boleh Baharu di negara ini.

Sekian, terima kasih.

.....